

05 SEP 2003

Abdullah-Hadi

ABDULLAH SERAH KEPADA POLIS AMBIL TINDAKAN ATAS KENYATAAN HADI

CYBERJAYA, 5 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahamd Badawi hari ini berkata Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang bersikap keterlaluan apabila mennyifatkan polis sebagai 'syaitan-syaitan bisu'.

Abdullah menyerahkan kepada pihak polis untuk mengambil tindakan.

Hadi baru-baru ini meletakkan polis sebagai `syaitan-syaitan bisu' kerana bersikap mendiamkan diri apabila berhadapan dengan kegiatan mungkar dan mendakwa keengganan polis untuk bekerjasama melaksanakan Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah Hudud, Qisas dan Takzir menyebabkan gejala maksiat dan judi berleluasa di negeri itu.

"Saya punya komen ianya tidak patut, tidak munasabah, tidak bertanggungjawab, tidak bertimbang rasa dan keterlaluan," katanya kepada pemberita selepas menemui 10 ahli panel penasihat antarabangsa (IAP) MSC pada hari kedua mesyuarat IAP ke-tujuh di sini hari ini.

"Apa yang dikatakannya 'sangat nyata', apa nak siasat lagi. Apa yang dikata ada dilaporkan dalam suratkhobar. Terserah kepada polislah kalau polis nak ambil tindakan," katanya ketika ditanya sama ada laporan polis perlu dibuat terhadap Pemangku Presiden Pas itu.

Abdullah berkata kenyataan Hadi tersebut tidak patut dibuat oleh seorang pemimpin dan sudah tentunya tidak disenangi setiap anggota polis.

"Apakah dia tidak tahu bahawa pada waktu ini usaha-usaha membanteras jenayah di negeri Terengganu adalah menjadi tanggungjawab polis," kata Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri.

Beliau berkata seperti dimaklumkan Peguam Negara, pihak polis tidak boleh dipertanggungjawabkan melaksanakan undang-undang hudud di Terengganu.

Sebaliknya polis menguatkuasakan Kanun Jenayah seperti ditetapkan kerajaan persekutuan dan mengikut rekod, polis negeri Terengganu berada pada tempat kedua dalam menyelesaikan kes-kes jenayah antara pihak polis di seluruh negara.

"Jadi menuduh polis bertanggungjawab menyebabkan maksiat dan jenayah berlaku adalah sesuatu yang keterlaluan. Ini tidak ada sedikit perasaan untuk menghargai jasa polis," katanya.

Ditanya sama ada kenyataan Hadi itu bersifat 'hasutan', Abdullah berkata: "saya bukan peguam untuk berkata demikian. Terserah kepada polislah."

Ditanya mengenai pilihan raya kampus yang nampak didominasi calon-calon pro-kerajaan, Abdullah berkata beliau tidak berpendapat sedemikian.

"Tetapi nampaknya perjalanan pilihan raya di kampus adalah baik kerana tidak ada laporan pergaduhan. Alhamdulillah," tambahnya.

Mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyerahkan kepada Abdullah untuk menentukan peranannya dalam pembangunan MSC di masa depan, beliau berkata beliau cukup gembira dengan kesediaan Dr Mahathir untuk terus memainkan peranan dalam MSC.

Bagaimanapun, peranan Dr Mahathir yang akan bersara Oktober depan masih belum ditentukan lagi.

"Secara spesifik, saya belum berbincang dengan beliau lagi.

Penglibatannya memang ada, insyaallah," tambah Abdullah yang akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri selepas persaraan Dr Mahathir.

Ditanya mengenai apa yang perlu dilakukan dalam fasa kedua pembangunan MSC, Abdullah berkata e-pendidikan, e-komuniti dan e-kerajaan perlu dimajukan dengan lebih cepat lagi.

Di samping itu, bidang-bidang berkaitan R&D termasuk yang lebih bersifat ICT khusus perlu dijalankan seperti biasa.

"Ini yang penting supaya MSC dapat memanfaatkan negara dan rakyat," katanya.

Beliau juga menyatakan keyakinan sektor ICT akan terus menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara.

Mengulas mengenai pertemuannya dengan para anggota IAP hari ini, beliau berkata mereka menyatakan komitmennya untuk terus menjadi anggota IAP.

Mereka juga, katanya, komited untuk terus memperkembangkan syarikat mereka di Malaysia.

Selain itu, anggota panel IAP tersebut juga menyatakan hasrat untuk mengambil lebih ramai pekerja Malaysia yang mahir dalam bidang IT terutamanya mereka yang mempunyai sarjana dan ijazah kedoktoran.

"Mereka mengharapkan saya akan terus memberi perhatian dan komitmen yang tinggi bila ambilalih jawatan Perdana Menteri,"

Abdullah berkata beliau memaklumkan kepada anggota IAP berkenaan bahawa projek MSC merupakan satu projek yang cukup penting untuk masa depan negara.

--BERNAMA

MAD JM BK